

10 OCT 1998

Mahathir-Berdaya cipta

KAWALAN TUKARAN MATAWANG MALAYSIA BERDAYA CIPTA, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa apabila berhadapan dengan krisis matawang, Malaysia terpaksa mencari jalan keluar dengan menggunakan cara-cara yang radikal dan luar biasa bagi menangani situasi yang luar biasa.

Sambil menegaskan bahawa akibat yang menimpa ekonomi mungkin lebih teruk jika Malaysia tidak berbuat sesuatu, beliau berkata penetapan nilai ringgit pada RM3.80 melalui langkah-langkah kawalan tukaran matawang yang dibuat oleh Malaysia adalah berdaya cipta dan berinovasi.

Daya cipta dalam menguruskan ekonomi dan kewangan tidak berbeza dengan daya cipta dalam bidang-bidang lain, katanya ketika menyentuh tentang kesan krisis kewangan yang tidak disangka-sangka, dan yang kini telah menular ke seluruh dunia.

"Sikap ortodoks akan mewujudkan kebekuan, mereka yang konservatif tidak akan maju dan mereka yang takutkan perubahan akan layu dan gugur di tempat mereka berpijak," katanya dalam ucapannya semasa merasmikan Pameran Rekacipta, Inovasi, Rekabentuk Industri dan Teknologi, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata "dalam mencipta kaedah baru dalam melakukan sesuatu, adalah elok dilihat semula cara-cara lama untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya dan kemudian mengubah suai atau memperbaharui cara-cara lama itu."

"Itulah yang telah Malaysia lakukan, dengan menoleh ke belakang melihat cara-cara lama di mana nilai wang ditentukan oleh nilai emas serta kadar pertukaran matawang tetap regim Bretton Woods," katanya.

Bretton Woods adalah peraturan kewangan antarabangsa sebelum perang yang diwujudkan untuk mengawal selia pasaran kewangan termasuk kadar pertukaran tetap dan yang mendorong penubuhan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

"Menggunakan semula emas tidak praktikal, tetapi kadar pertukaran tetap Bretton Woods ternyata telah menghalang pemulihan ekonomi sebelum perang serta kemakmuran sedunia kemudiannya," tegas beliau.

"Ia tidak gagal kerana kadar (pertukaran) ditetapkan, tetapi regim itu (Bretton Woods) gagal kerana negara-negara maju utama memungkiri janji-janji mereka, kerana mereka menurunkan nilai matawang masing-masing agar menjadi lebih berdaya saing dan mengatasi kos mereka yang semakin meningkat disebabkan oleh tuntutan upah berlebihan, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata dengan mengenalpasti sebab-sebab sebenar kegagalan rumusan Bretton Woods, gagasan menggunakan kadar pertukaran tetap bagi mencapai pemulihan ekonomi menjadi lebih munasabah.

"Negara-negara kaya yang dengan angkuhnya berkata bahawa krisis matawang di Asia Timur tidak akan menjejaskan mereka kini mendapati diri mereka tidak selamat daripada pedagang-pedagang matawang dan kegiatan-kegiatan mereka yang merosakkan itu," katanya.

"Kegagalan dana lindung nilai Pengurusan Modal Jangka Panjang telah memaksa pemerintah-pemerintah yang hebat di barat melihat dagangan matawang dengan lebih teliti, malah sekarang IMF juga mengakui bahawa dagangan matawang perlu dikawal selia.

"Jelaslah, keperluan merupakan ibu kepada rekacipta," kata Dr Mahathir.

"Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam setahun yang lalu amat gawat dan perit bagi Malaysia kerana secara tiba-tiba, kita mendapati diri kita seolah-olah tidak berdaya dan tidak bersedia untuk menangani keadaan yang ditimbulkan oleh orang lain.

"Kebanyakan daripada kita lebih cenderung menangani masalah ini mengikut cara ortodoks, dengan perkataan lain, kita tidak mencipta.

"Malah kita tidak sanggup mempertikaikan kebijaksanaan konvensional, kerana terus percaya bahawa cara biasa itu adalah cara yang betul," kata beliau.

-- BERNAMA

MK KY MA